Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang buat tuak itu, itu soalan lain. Menjual tuak ini ia-lah didalam tangan Kerajaan Negeri, Kas-

tam ia-lah Kerajaan Pusat, tetapi ini soal lain.

PENJUALAN TUAK—HASIL

8. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kewangan:

(a) berapa jumlah hasil jualan tuak sejak Merdeka hingga tahun 1967; berapa gelen tuak semuanya yang di-jual;

(b) berapa orang yang di-tangkap dan di-hadapkan ka-Mahkamah kerana menjual tuak sa-chara haram.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menegaskan dalam jawapan saya kapada soalan dahulu bahawa ini ia-lah perkara Kerajaan Negeri dan sa-patut-nya soalan ini di-kemukakan kapada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Muda Kewangan memberi tahu kapada Dewan ini negeri manakah yang paling banyak sa-kali, atau pun negeri² mana-kah lesen² menjual tuak itu di-beri.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri Muda Kewangan tahu, atau pun sedar bahawa masaalah tuak ini telah menjadi² di-negeri Johor sa-hingga ada memberi kesen (effect) yang tidak baik kapada kewangan negeri ini.

Dr Ng Kam Poh: Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, dengar-nya di-negeri Kelantan.

PENAHAN BARANG² YANG DI-SELUDUP MASOK DARI CHINA KOMINIS

9. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kewangan:

(a) sejak awal tahun 1967 hingga-lah sekarang, berapa kali-kah pehak Kastam berserta dengan Pasokan Polis berjaya menahan dan merampas barang² yang di-seludup masok dari China Kominis;

(b) terangkan di-pelabohan² manakah berlaku penyeludupan² tersebut, apa-kah barang² yang telah di-rampas dan ada-kah berlaku tembak-menambak dengan penyeludup² tersebut.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Kastam bersama dengan Polis telah pada dua ketika pada tahun lepas merampas barang² yang diseludup yang berasal daripada negeri Kominis China. Pejabat Kastam juga dengan bersendirian telah merampas barang² yang di-seludup pada 15 ketika pada tahun lepas. Jawapan kepada (b) rampasan telah di-buat di-Johor Bahru dan Selat Johor dan ini mengandongi kain² dan barang² pakaian dan kertas² sembahyang China dan bahagian² basikal dan sa-bagai-nya. Tidak ada kejadian berlaku yang melibatkan penggunaan senjata api pada ketika itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Bila Yang Berhormat Menteri Muda menyebut di-Selatan Malaysia ya'ani Negeri Johor ada-kah termasuk salah sa-buah pelabohan yang di-katakan Gelang Patah.

Dr Ng Kam Poh: Tidak tahu lagi. Tuan Yang di-Pertua, ada-kah dalam tempat² Gelang Patah ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu perkara ini saya boleh-lah memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat tempat mana ini barang² dan kain² telah di-dapati.

Tuan Ahmad bin Arshad: Kalau Yang Berhormat Menteri Muda kita ingin hendak menerima pandangan saya dalam masaalah penyeludupan di-Selatan Malaysia itu patut dia sedar dua tempat, ia-itu di-Kuala Siding dan juga

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan pertanyaan-kah atau apa? Kalau hendak beri pandangan, lepas ini boleh beri yang sa-macam itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tidak, sekarang saya hendak tahu ada-kah dia tahu dua tempat yang saya berikan pandangan itu di-antara tempat penyeludupan di-Selatan Malaysia ini.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, tempat² banyak sa-kali. Jika hendak tahu saya mesti-lah ambil laporan daripada Pejabat Kastam. Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya boleh memberi tempat² di-mana Kerajaan Pusat atau pihak Kastam menangkap barang² rampasan di-mana², jika Ahli Yang Berhormat hendak tahu dan ketahui boleh-lah saya memberi satu list kepada Ahli Yang Berhormat.

KERUGIAN MALAYSIA DALAM PERTUKARAN WANG ASING SEBAB KEJATOHAN HARGA GETAH

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan berapa-kah jumlah kerugian Malaysia dalam pertukaran wang asing akibat jatoh-nya harga² getah dan bijeh timah pada tahun 1967, mengikut perincian masing².

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya harga getah dan bijeh timah sama dengan harga-nya pada tahun 1966, pendapatan wang asing Malaysia dari getah dan bijeh timah akan bertambah sa-banyak \$425 juta daripada apa yang sa-benar di-dapati-nya. Keturunan harga getah melibatkan sa-banyak \$361 juta daripada kurangan itu. Manakala keturunan harga bijeh timah melibatkan sa-banyak \$64 juta daripada baki-nya itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jika kejatoan itu \$425 juta di-sebabkan oleh getah \$360 juta dan bijeh \$64 juta daripada yang baki-nya dan yang baki lagi itu akibat daripada apa?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, saya sudah memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat.

TELEGRAPHIC AND TELEPHONE COMMUNICATIONS BETWEEN KUALA LUMPUR AND KUCHING

11. Tuan Edwin anak Tangkun asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications whether he is aware of the poor telegraphic and telephone communication between Kuala Lumpur

and Kuching and vice-versa, and what steps have been taken to improve the situation.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom (Tun V. T. Sambanthan) (*dengan izin*): To improve the transmission from Kuching to Kuala Lumpur, a high-power 10 kilowatt transmitter was despatched to Kuching to replace the 3 kilowatt transmitter in operation. This replacement has since been effected and it is now in operation. As a result of the increase in power of the Kuching transmitter, there has been an improvement in service. With regard to the telegraphic communication between Kuala Lumpur and Kuching, a radio-controlled telex switchboard has been installed for telex and telegram communication between the two places. This equipment will automatically correct minor errors due to atmospherics and will improve the service considerably. To further improve the communications between West Malaysia and Kuching, a tropo-scatter system will be introduced in Gunong Pulai, in Johor, and Gunong Serapi, near Kuching. Tenders for this system have been called and were closed in December, 1967. The Department is now in the process of selecting the equipment. A decision on this is expected in March. The project itself is expected to be completed during the latter part of 1969. This is because the equipment takes about 12 months to arrive and then there is the process of installation, testing and the commissioning. When commissioned, we could provide initially 24 high-quality speech and telegraphic circuits between Kuching and West Malaysia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—ada-kah benar bahawa dalam projek ini telah berlaku satu perkara yang tidak menyenangkan kita, ia-itu Kerajaan sendiri lambat-nya sampai barang² itu mengambil masa sampai 12 bulan ia-itu tersilap definition barang² equipment itu maka terpaksa barang² itu di-stop dan di-order lagi sa-kali; jika benar berlaku benda ini apa-kah tindakan yang di-ambil?

Tun V. T. Sambanthan: Mr Speaker, Sir, I think the Member is at the wrong end of the stick. I mentioned earlier that tenders for this system have been called, and the Department is in the process of selecting the equipment. After careful selection, we decide on the equipment, and then we place the order. The equipment takes twelve months to be delivered. This is a world phenomenon.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya faham tetapi yang saya menyoal ini yang lain, bukan yang itu. Yang menjadi sebab 12 bulan itu bukan-lah kerana mengikut kebiasaan-nya, tetapi kerana tersilap menyatakan kenyataan order barang² ini.

Tun V. T. Sambanthan: Itu perkara lain.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Mr Speaker, Sir, why does it take twelve months to deliver this equipment?

Tun V. T. Sambanthan: Sir, as I said, this is a world phenomenon. This is not like going to the market and buying a *kati* of fish (*Laughter*). This is a highly sophisticated electronic equipment and is called "tropospheric scatter". In fact, it will be one of the very modern equipment in this part of the world, and it takes time: the specifications are there and they get down to work. Even before this is done, we have had a serious of tests between Gunong Pulai and Gunong Serapi. It is a highly involved, very highly technical and complicated subject.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar-Bahru): Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu apa *type equipment* yang hendak di-pakai untuk project ini?

Tun V. T. Sambanthan: Tropospheric Scatter system.

Dr Lim Chong Eu: Mr Speaker, Sir, arising from the reply by the Honourable Minister about this twelve-month delay between placing an order and the delivery of the order, being a twelve-month international phenomenon, will the Honourable Minister tell this

House that if a contract is to be made for delivery in nine months, that would be a world super-phenomenon? (*Laughter*).

Tun V. T. Sambanthan: Well, I can permit the Member to call it what he likes!

**LEMBAGA PEMILEHAN M.S.A.
MEMBEDZA'KAN TERHADAP
PENGAMBILAN ORANG²
MELAYU**

12. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan:

- (a) ada-kah dia sedar bahawa lembaga pemilih M.S.A. (yang ahli²-nya terdiri kebanyakan-nya daripada orang² Singapura dan orang² bukan Melayu) ada perasaan prejudis terhadap pengambilan orang² Melayu khas-nya anak² Melayu Malaysia;
- (b) ada-kah dia sedar bahawa iklan² M.S.A. menitik-beratkan mustahak-nya pengetahuan bahasa China sa-bagai satu daripada kelayakan yang di-kehendaki daripada pemohon² yang chenderong masuk bekerja dalam pejabat kapal-terbang terutama sa-kali Pelayan² di-Udara dan di-Pejabat, dan ada-kah ini berarti mengenenipkan pemohon Melayu;
- (c) ada-kah dia sedar bahawa chalun² Melayu telah di-tolak sama sekali walau pun mereka mempunyai kelayakan² yang di-kehendaki dan bahawa salah satu perkara² sa-umpama ini ia-lah pengambilan orang² baharu ini untuk memenohi jawatan Penolong Pegawai Penguasa yang hendak di-tempatkan di-Kuala Lumpur di-mana chalun Melayu yang berkelayakan telah di-tolak dan sa-orang bukan Melayu pula di-pilih, sunggoh pun pegawai yang di-kehendaki itu ia-lah untuk menguruskan surat-menyurat dalam bahasa Melayu.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan

Ahli Yang Berhormat akan jawapan yang telah saya berikan di-Dewan ini dalam masa persidangan yang lalu di-atas pertanyaan² yang sa-rupa, maka oleh itu saya rasa tidak payah saya ulang sa-mula jawapan itu. Jawapan kepada pertanyaan (b), pada akhirnya, saya tidak nampak terbit-nya iklan² yang di-beri keutamaan kepada chalun² yang boleh bertutor di-dalam bahasa China. Saya akan menyiasat perkara ini dan sa-kira-nya perkara itu di-dapati benar, maka tindakan² yang sesuai akan di-ambil.

Berkenaan dengan pertanyaan (c), dalam satu pertanyaan yang sama yang telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam persidangan yang lalu di-Dewan ini, saya telah menyatakan kepada beliau bahawa saya tidak tahu wujud-nya bedza-membedza satu keturunan yang tertentu daripada warganegara Malaysia di-dalam Shariat Penerbangan Malaysia-Singapura dan saya telah meminta kepada Ahli Yang Berhormat supaya memberikan kepada saya bukti² wujud-nya bedza-membedza ini sa-kira-nya beliau benar² mempunyai bukti.

Mengenai jawatan Penolong Superintendent, pegawai yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pula saya tidak mempunyai bukti yang meyakinkan tentang tuduhan beliau bahawa perlantikan ini ada-lah samata² di-dasarkan di-atas shakwasangka terhadap sa-orang pegawai Melayu. Saya merasa sukachita sa-kira-nya beliau dapat memberikan ma'lumat kepada saya mengenai ini untuk membolehkan saya mengambil tindakan tegas terhadap dengan segala kenyaataan².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua—ada-kah ma'lumat² yang di-kehendaki oleh Menteri itu akan menerima daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu sahaja, atau daripada Ahli² Yang Berhormat yang lain, ada-kah Menteri ini akan menerima juga?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya dengan hormat-nya menguchapkan terima kasih lebeh dahulu kalau

ada Ahli² Yang Berhormat yang lain pun, tetapi jangan-lah main serekap buta. Yang susah ini dengar chakap di-kedai kopi, dengar cherita orang, kemudian itu bawa ka-mari bila kita siasat tidak ada bukti², jadi kita pun berasa susah juga.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Soalan tambahan—adakah Yang Berhormat Menteri tahu, ia-itu di-dalam banyak iklan² yang menawarkan kerja² di-dalam M.S.A. telah di-sebutkan bahawa *knowledge of some Chinese dialects will be an advantage*, dan berapa-kah orang² yang terdiri daripada bumiputra yang meminta kerja yang ada *knowledge of some Chinese dialects* ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang baharu itu saya akan berhubung dengan Ahli Yang Berhormat itu-lah tentang statistics-nya.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut dalam jawapan bagi pertanyaan saya (a) Menteri yang berkenaan telah memberi jawapan mengatakan dia telah beritahu saya pada persidangan yang lepas, bolehkah Menteri itu ulangkan balek, sebab saya lupa apa yang di-katakan hari itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Menurut peratoran; soalan² di-dalam 6 bulan tidak boleh di-ulang balek atas soal itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan—saya telah buka dan saya telah bacha sa-belum daripada ini lagi sebab saya ada interest di-dalam soalan ini terutama dalam Kementerian ini dan saya dapati tidak ada jawapan yang di-jawab bahagian (a) ini. Jadi, bagaimana-kah Menteri itu kata ada?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini fahaman daripada pehak Ahli Yang Berhormat kedua² itu berlainan, tetapi tujuan maudhuk-nya sama. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dua² itu maseh lagi hendakkan detail, sila-lah buat ketentuan, boleh-lah datang ka-pejabat saya, saya boleh terangkan segala²-nya.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasisir Puteh): Soalan tambahan—Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi kata-nya pada masa yang akhir ini tidak ada lagi iklan seperti yang di-sebutkan dalam (b) itu dikeluarkan, boleh-kah saya dapat faham bahawa pada masa yang telah lalu memang ada iklan² seperti itu dan boleh-kah Dewan ini mendapat kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri, apa-kah sebab²-nya penukaran keadaan sifat yang lalu itu kepada masa² yang akhir² ini, ya'ani tidak di-masokkan jenis iklan yang seperti itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Star Selatan tadi sudah tanya saya minta statistics dan ada barangkali yang sudah² berkenaan dengan "is an advantage" ya'ani ada di-utamakan, kerana Malaysia-Singapore Airways ini ada terbang ka-Taipei, ada terbang ka-Hong Kong, maka sa-tengah² pelayan kalau ta' tahu bahasa² China yang di-tempat² itu tentu-lah susah juga hendak melayan, barangkali yang ada satu dua orang yang di-kehendaki sebab itu di-katakan barangkali di-iklankan "is an advantage to know Chinese language". Sa-benar-nya barangkali budak² perempuan kita Melayu pun barangkali ada juga yang tahu bahasa² China. Maka orang² yang macham ini mendapat peluang juga; tetapi yang saya katakan tadi yang akhir² ini tidak ada lagi iklan² yang macham itu, sa-kira-nya ada saya akan siasat, tolong-lah Ahli Yang Berhormat itu kalau ada nampak, tetapi yang akhir² ini bukan sa-tahun dua tahun dahulu itu sudah basi-lah.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya pada masa² yang akan datang Sharikat Penerbangan M.S.A. ini akan adakan penerbangan ka-lain² tempat. Kalau-lah Sharikat Penerbangan ini pergi sampai ka-Kenya, boleh-kah kita minta supaya pegawai²-nya mesti mahir dalam bahasa Kikuyu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu terulang-lah kepada management-nya, kerana saya Menteri memegang

dasar—policy. Maka kita jangan-lah keliru tentang penggunaan bahasa kebangsaan di-dalam Malaysia dengan bahasa yang di-gunakan oleh pelayan² di-dalam kapal terbang Malaysia-Singapura itu, kerana Sharikat M.S.A. hendak menyenangkan penumpang² dan hendak mendapatkan kelarisan, dan hendak mendapatkan untong banyak kepada negara kita. Maka jangan-lah Yang Berhormat kelirukan atas dua soal pokok ini.

(Tempoh pertanyaan mulut telah chukup dan jawapan kepada pertanyaan² No. 13 sampai No. 16 ada-lah di-beri di-bawah ini).

PEMILEHAN MESSRS CHAN THIAM FOOK, 52 JALAN YEW, PUDU, UNTUK MENJAHIT PAKAIAN² SA-RAGAM BAGI KAKITANGAN M.S.A. DI-KUALA LUMPUR

13. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah benar sa-orang pegawai kerani Pejabat M.S.A. di-Kuala Lumpur yang bernama Enche' Raymond Khaw ia-lah yang bertanggung-jawab memilih tukang jahit, Messrs Chan Thiam Fook di-No. 52 Jalan Yew, Pudu. untuk membuat kerja jahit menjahit pekaian² seragam semua kakitangan M.S.A. di-Kuala Lumpur. Jika ini tidak betul, dapat-kah dia beritahu Dewan ini bila tawaran kerana ini dikeluarkan oleh pejabat M.S.A. Kuala Lumpur serta sebutkan dengan lengkapnya pemberitahu memanggil tawaran dan juga senarai orang² yang menghantar tawaran; jika tawaran tidak dikeluarkan, bersetuju-kah dia dengan chadangan saya supaya Badan Penche-gah Rasuah di-beritahu perkara yang tidak betul ini supaya pemereksaan dapat di-jalankan lebeh awal lagi memandangkan M.S.A. sa-buah pertubuhan anjoran Kerajaan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Perkara ini telah pun di-rojokan kepada Pengerusi Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura yang akan menjalankan penye-lidekan yang sesuai. Saya tidak akan membincangkan perkara ini di-dalam Dewan ini.

MASAAALAH PEKERJAAN DI-DALAM SHARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA-SINGAPURA

14. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan puas hati-kah dia dengan bentuk M.S.A. sekarang ini di-Malaysia, terutama sekali mengenai perjawatan di-Malaysia Barat di-mana pembahagian jawatan berbau kaum kerana di-Malaysia Barat hanya ada dua orang Melayu sahaja di-perengkat pengurus, sa-orang Melayu di-perengkat Pegawai Kerja Muda ia-itu Penguasa Steshen, sa-orang Pegawai Reservation Melayu, tiga orang Pegawai Lalu-lintas dan tiga orang Pelayan di-Pejabat, sedangkan kakitangan bukan orang Melayu terutama sekali orang China menguasai seluruh pertubuhan M.S.A.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tanggong-jawab Kerajaan Malaysia terutama dalam masalah pekerjaan di-dalam Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura ini ia-lah untuk menjamin bahawa tiap² warganegara Malaysia di-beri kesempatan bekerja yang sama di-dalam Sharikat ini terpisah daripada warganegara Singapura dan saya memberi pengakuan di-sini bahawa sa-tiap usaha akan di-jalankan oleh Kementerian saya untuk men-chapai maksud ini. Oleh kerana pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini nampak-nya tidak mengangap bangsa Malaysia sa-bagai keseluruhan dan lebeh chenderong untuk membezakan di-antara yang berketurunan Melayu dan yang bukan berketurunan Melayu, maka oleh yang demikian saya tidak akan mengulas mengenai-nya di-sini.

MEMECAHKAN CHENGKAMAN FAR EASTERN FREIGHT CONFERENCE DAN SINGAPORE-AFRIKA-NEW ZEALAND CONFERENCE

15. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaannya ada-kah Kerajaan Malaysia akan bekerjasama dengan Kerajaan Singapura untuk memecahkan chengkaman kedua² pehak Far Eastern Freight Conference dan the Singapore-Africa-New Zealand Conference, terhadap tambang yang di-kenakan ka-atas

impot dan eksepot dan ada-kah dia akan terus-terang menyatakan kepada kedua² persidangan tambang ini bahawa jika usaha pujukan ini tidak berkesan maka tindakan undang² akan menyelesaikannya.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): It is always the policy of the Government to work and co-operate with any foreign Government on matters of mutual interest.

Complaints by shippers against Conference Lines have been numerous. These complaints usually take the form of allegations that revisions on freight rates had been imposed on the shippers unilaterally, arbitrarily, and without prior consultation. Shipping services that are available to Malaysian shippers are normally organised in Shipping Conferences which provide regular and adequate services and fairly stable freight rates. These Conferences operate on the principle that in exchange for regular services, they require of the shippers a certain amount of loyalty which is obtained through the signing of loyalty contracts. The strength of the Conference Lines also makes it difficult for alternative Shipping Services to come into the trade on the basis of regular liner services.

In certain countries as for example in India, Western Europe and Australia, shippers are organised into national bodies (*viz-a-viz* Conference Lines) and Consultation Machinery are then established in which both shippers' organizations and Conference Lines are either forced to consult one another by means of legislation or to adopt consultation on a formal basis voluntarily.

In Malaysia, some forms of shippers' organizations based on commodities do exist and consultations between such organizations and shipping conferences have taken place when freight rates are increased.

Government therefore feels that a national organisation of shippers should be formed to negotiate with the Conference lines on a voluntary base. If this does not prove effective then negotiations will have to be made compulsory through legislation.

LANTARAN KAUM BUROH YANG DI-HANTAR DARI MALAYSIA BARAT KA-SABAH

16. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh adakah benar bahawa ramai kaum buroh yang telah di-hantar dari Malaysia Barat ka-Sabah telah terlantar kerana mereka tidak di-bayar gaji yang menasabah, dan jika benar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam): I have already replied to this question on 23rd January, 1968, in answering the questions submitted by Yang Berhormat Tuan Sulaiman bin Haji Taib.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.10 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.25 pagi.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (*Hari Yang Keenam*)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 16—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas masaalah, Kepala B. 16 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 16—

Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri (Tuan Chen Wing Sum) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the expenditure shown under Head B. 16 totalling \$251,954,787 be approved.

The allocation is classified into three sub-divisions, namely, Personnel Emoluments amounting to \$114,616, 610;

other Charges Annually Recurrent amounting to \$127,387,677; and Special Expenditure amounting to \$9,950,500. The total amount shows an increase of only \$2 million or 0.8% over and above the total amount approved for the Ministry in 1967.

The provision of approximately \$252 million is merely to cover the needs of the Armed Forces and does not take into account any possible expansion consequent upon British military withdrawal. It is obvious that a study on the implications of British withdrawal will need to be made by Malaysia in consultation with countries concerned with the matter. Indeed, an examination of the implications, strictly from the point of view of Malaysia alone, is engaging the attention of our military planners. Anyway, it would be premature for me at this stage to give any indication of our trend of thought. Sir, meanwhile in Sabah, Sarawak and the border areas between Malaysia and Thailand, there still exist threats and acts of subversion by the Communists which must be eliminated before they spread and create chaos in our country. Though armed aggression from within and without is reduced, we have to continue to be vigilant and to be prepared for any eventuality. We must always be on the alert to defend the integrity and sovereignty of the nation.

During the past years, authority from this House was requested to expend money to form new units and also to increase the strength of existing units. The money was also spent for the purchase of equipment essential to strengthen our Armed Forces. In view of the current unfavourable financial situation of our country, the expansion of the Armed Forces is now to be slowed down and will be carried out in phases.

In 1968, Sir, the Navy, the Air Forces, and especially the Army, will be further increased in their strength according to needs under the circumstances. The Army has the largest number of personnel increase. New units are to be formed to supplement existing units. Additional personnel are

also needed to enhance the strength of existing units to make them more effective.

As regards the Royal Malaysian Navy, there is an increase in personnel to man the new ships and also to cater for the expansion of bases in East and West Malaysia.

As regards the Royal Malaysian Air Forces, there is also an increase in its strength. This is primarily due to the acquisition of additional aircraft. The increase in manpower is essential to enable the Royal Malaysian Air Force to be more effective in performing its tasks. The increase in the number of men constitutes the formation of new units as well as the expansion of the old ones.

It should be mentioned here, Sir, that for the first time we have our own Malaysian officers filling the highest appointments in our Navy and our Air Forces. These two posts—the Chief of Air Staff—were always held by expatriate officers prior to this change. In this connection, I must add that it is the policy of the Ministry to replace expatriate officers with our local officers as soon as practicable.

With regard to the Territorial Army and Local Defence Corps, there is a decrease in strength. This has occurred because all those who have completed their period of service would not be permitted to extend their service. The decrease is mainly due to the financial difficulties of the country.

Mr Chairman, Sir, I wish now to refer more specifically to the financial provisions included in the estimates of the Ministry of Defence for 1968. Under Personal Emoluments, there is an increase of \$5.1 million, which is due primarily to the increase in personnel strength and also due to the increase in pay and allowances payable to civilian and military personnel. The Malaysian Armed Forces are continuing to pay special emphasis to provide training to their personnel, especially those in the Navy and Air Force. This year, there is an increase of \$100,000 and \$1 million against the

Sub-head 10 Training—Navy and Sub-head 11 Training—Air, respectively. It is very important for members of our Armed Forces to be well trained so that they can perform their duties efficiently. They are sent to undergo training and courses in military establishments either locally or overseas.

At the moment, most Malaysian Armed Forces personnel are sent overseas to such countries like Canada, the United States of America, Australia, New Zealand, India, the United Kingdom and Indonesia, to undergo courses in various fields after receiving preliminary training in this country. A few of our military personnel are sent to do courses in medicine, engineering and technical subjects at the University of Malaya, the University of Singapore and the Technical College.

Mr Chairman, Sir, the Minister of Defence has often stated in this House that Malaysia is fortunate indeed in having loyal and capable Armed Forces. They have without doubt carried out their duties to our satisfaction. On behalf of the Minister of Defence, we wish to express our sincere thanks and gratitude to all of them.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama² menyokong apa yang telah di-minta oleh Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri sa-bentar tadi pada masa mengemukakan peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan bagi tahun 1968 ini.

Terlebeh dahulu saya suka, Tuan Pengerusi, memberi ucapan tahniah yang sa-tinggi²-nya kepada Kementerian ini yang sedikit demi sedikit telah dapat mengubah pegawai² serta pemerentah² daripada Angkatan² Darat, Laut dan Udara kita daripada Ketua² luar kepada anak bumiputra atau anak Malaysia sendiri dan dengan demikian kita perchaya pada masa yang akan datang tentera kita, baik laut, baik udara dan baik darat akan merupakan tentera nasional, tentera kebangsaan yang berjuang mati²an bagi

mempertahankan kedaulatan negara-nya dan kemerdekaan tanah kita.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian kepada kedudukan askar² kita yang bertugas di-dalam keadaan aman sekarang ini, sa-kali pun mereka tidak menghadapi banyak anchaman saperti mana dalam masa konfrantasi dahulu, tetapi mereka tidak kurang tugas-nya mempertahankan sa-panjang² tanah ayer kita ini dan perbatasan di-antara negeri kita dengan negeri tetangga kita. Oleh kerana kebanyakan daripada tentera² kita ini telah meninggalkan rumah-tangga mereka, dan keluarga mereka dan anak² mereka sendiri, maka ada baik-nya di-samping mereka itu di-tugaskan untuk menjaga keselamatan negara kita daripada anchaman luar, maka keluarga² mereka itu juga patut di-ambil perhatian supaya anak² yang di-tinggalkan oleh bapa di-dalam tugas-nya ini tidak-lah akan terbiar begitu sahaja, tetapi mereka akan mendapat didekan yang sempurna dengan ada-nya ranchangan² atau tindakan² Kementerian ini untuk perbaiki anak² mereka.

Tuan Pengerusi, berthabit dengan Tentera Wataniah yang kita rasa pada masa² yang telah lalu ujud-nya Tentera Wataniah ini merupakan suatu pasokan pertahanan yang kita adakan sa-mata² bagi menambah kekuatan tentera kita yang telah ada, tetapi Tentera Wataniah kita ini sa-telah kita tidak menghadapi sa-barang anchaman daripada luar dengan konfrantasi mithal-nya, maka saya nampak Tentera² Wataniah ini telah banyak di-kurangkan dan telah di-kurangkan juga tugas-nya. Memandangkan kepada ranchangan Kerajaan British hendak menarek tentera-nya daripada kawasan ini pada dua tiga tahun yang akan datang, maka pada faham saya untuk mengisi kekosongan itu buat sementara waktu, maka perlu-lah Tentera Wataniah kita ini di-perbesarkan, sa-kali pun rasa-nya kalau hendak di-perbesarkan pun susah tetapi kekuatan-nya yang ada sekarang ini hendak-lah di-kekalkan demikian dan kalau perlu kita tambah lagi kekuatan itu daripada sa-masa ka-samasa supaya sa-tiap warganegara

kita ini akan dapat merasakan tanggung-jawab-nya terhadap mempertahankan kemerdekaan dan negara-nya sendiri. Dengan kedudukan Tentera Wataniah kita yang saya perhatikan sekarang ini telah banyak memberikan khidmat-nya kepada kita, tetapi di-dalam khidmat² mereka ini, kita mestilah juga memikirkan masa hadapan mereka itu kalau sa-kira-nya mereka di-lepaskan daripada tugas-nya sa-bagai Tentera Wataniah, maka masa hadapan mereka hendak-lah juga kita timbangkan apa-kah yang patut kita buat bagi mereka, sa-kali pun di-dalam Kementerian lain ada di-sebutkan khas bagi Pasokan² Polis Khas dahulu ada di-letakkan di-dalam Kementerian Pertanian dan ikhtiar untuk membela mereka telah di-jalankan, tetapi pada Tentera dan Askar Wataniah kita pada masa yang akan datang keadaan yang berlaku kepada bekas Pasokan Keselamatan kita mithal-nya Polis Khas itu jangan-lah berlaku kepada Tentera Wataniah ini. Polis Khas kita dahulu waktu kita sudah bubarkan mereka telah di-berikan tanah, di-berikan wang sedikit sa-banyak dan kemudian di-suroh-lah hidup dengan chara yang sa-ada²-nya, akhir-nya mereka kechewa di-dalam hidup-nya.

Di-dalam kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, banyak bekas² Polis Khas ini yang telah kechewa, oleh kerana susunan yang tidak begitu baik atau pun susunan yang ta' begitu sempurna bagi memulehkan penghidupan mereka. Saya mengharap nasib mereka ini tidak akan di-ikuti oleh Askar Wataniah kita, dan kalau daripada sekarang kita dapat memberikan ranchangan² pembangunan atau kita utamakan kepada Askar² Wataniah kita ini mendapat kemudahan² memperoleh tanah F.L.D.A. mithal-nya atau tanah² ranchangan yang terkawal, yang di-kawal oleh Kerajaan di-samping mereka itu dapat membetulkan kehidupan-nya mendapat bantuan yang sawajar-nya daripada Kerajaan, maka saya rasa penghidupan mereka pada masa yang akan datang tidak akan terganggu dan tidak akan kechewa seperti mana yang saya sudah sebutkan sa-belum ini terhadap bekas² Pasokan Polis Khas kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, manakala kita menengok Pasokan Askar British akan keluar daripada negeri kita ini, dan sa-telah kita melihat perkembangan² yang ada di-Vietnam sekarang ini, maka saya menggesa kepada Kerajaan terutama kepada Kementerian ini supaya mulai daripada sekarang ini mengambil satu tindakan atau ikhtiar bagi melengkapkan dan memperkokohkan kedudukan kita dan di-perbanyakkan melateh anak² kita di-dalam semua jurusan ketenteraan hatta sa-kali pun kalau sa-kira-nya mustahak pak² tani kita juga di-berikan latehan tentera begitu juga murid² sekolah kalau kita berikan latehan² tentera, pemuda² kita di-berikan latehan tentera di-masokkan dalam jiwa mereka itu semangat chintakan tanah ayer, maka saya rasa kita tidak akan ragu² menghadapi sa-barang keadaan pada masa yang akan datang.

Tetapi, Tuan Pengerusi, bagi mengekal dan meletakkan atau pun bagi mengajar warganegara kita ini ta'at kepada negeri ini tidak cukup hanya berdiri pada masa Lagu Kebangsaan di-bunyikan atau berhenti motokar pada masa siaran di-bunyikan untuk menghormati Lagu Kebangsaan mithal-nya, atau menghormati Bendera kita tidak cukup dengan begitu sahaja, tetapi yang penting-nya ia-lah memberikan didekan kerohanian kepada pemuda² kita, kepada orang² kampung, kepada petani² dan kepada siapa juga yang menjadi warganegara di-berikan didekan kerohanian chinta kepada tanah ayer itu. Kalau sa-kira-nya mereka telah di-berikan semangat chinta kepada tanah ayer, maka saya rasa tidak mustahak kita hendak suroh orang itu berdiri waktu bunyi Lagu Kebangsaan, oleh kerana mereka telah terdidek dengan menghormati Lagu Kebangsaan itu.

Jadi satu daripada unsur yang membolehkan anak² kita pada masa yang akan datang ini chinta kepada negara-nya, chinta kepada Bahasa Kebangsaan dan Lagu Kebangsaan-nya ia-lah dengan menanamkan semangat *patriot*, semangat keperwiraan mulai daripada sekarang ini kepada mereka itu supaya mereka terasa

bahawa mereka berhak dan mempunyai kewajipan mempertahankan negara-nya dan menghormati apa yang ada di-dalam negara mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, dengan saya menyentoh sedikit sa-banyak soal yang saya sebutkan tadi saya mengharap supaya Kementerian ini juga mengambil perhatian terhadap recruit² yang baharu kita hendak ambil umpama-nya Tentera Laut yang kita kekurangan, tetapi mengikut pandangan dan pendengaran saya banyak daripada tentera² yang hendak di-ambil itu di-kenakan syarat² yang terlalu ketat sa-hingga menyusahkan dia, mithal-nya dia mestilah lulus Sijil Pelajaran Rendah (L.C.E.) baharu dia dapat melamar menjadi Tentera Laut atau pun menjadi Pegawai Tentera Laut. Jadi kalau sa-kira-nya kita utamakan mereka yang mendapat kelulusan daripada Sekolah Kebangsaan dengan tidak mustahak mempelajari bahasa Inggeris mithal-nya, atau tahu sedikit bahasa Inggeris, tetapi dia mempunyai kelulusan yang sama, saya rasa galakan bagi anak² kita masuk tentera itu lebih luas. Tetapi kalau di-kenakan bahasa Inggeris di-perlukan bagi anak² kita itu masuk kepada Tentera Laut, maka terlepas juga-lah anak² yang keluar daripada Sekolah Kebangsaan itu. Oleh itu, saya minta kepada Kementerian ini supaya menimbangkan masaalah ini supaya dapat di-berikan peluang yang lebih luas bagi anak² kita yang bersemangat tentera, bagi mereka itu champor di-dalam tentera ini dengan syarat² yang di-kurangkan dan tidak menyusahkan kepada diri mereka sendiri.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Baharu): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam muka 171, Pechahan-kepala 28—Peluru. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya memberi sokongan dengan sa-penoh-nya di-atas Anggaran Perbelanjaan yang di-buat oleh Kementerian Pertahanan untuk membeli peluru sa-banyak \$5 million itu. Tetapi di-bandingkan dalam tahun 1967, sudah kurang \$1.8 million. Ini, ada-lah sangat sesuai dan tepat sekali dengan kedudukan negara yang merdeka dan berdaulat.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini juga, telah menjadi satu tanda tanya saya, ia-itu pada tahun yang lalu di-mana dalam Dewan ini, saya telah shorkan supaya di-negara ini dapat membena sa-buah Kilang Peluru. Tuan Pengerusi, sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, peluru² sangat mustahak sa-kali, tambahan pula di-sempadan negara Malaysia ini seperti di-Malaysia Timor dan Barat, selalu ada sedikit ancaman oleh kominis. Jadi, ucapan Menteri yang berkenaan itu telah sebutkan ada ancaman, saya menguchapkan terima kaseh.

Berhubung dengan benaan Kilang Peluru yang di-maksudkan itu, ada-kah telah di-laksanakan kerja² benaan itu. Jika belum lagi di-laksanakan kerja² benaan itu, saya harap akan mendapat penjelasan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang pertama bila-kah Kementerian ini berchadang hendak melaksanakan pembenaan Kilang Peluru itu. Yang kedua, di-mana-kah tempat yang di-chadangkan untuk benaan itu. Sekian Tuan Pengerusi.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntokan yang sa-banyak \$251,954,787 ini untuk Kementerian Pertahanan.

Saya ingin menarek perhatian Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan perbelanjaan yang sa-banyak \$468,362 bagi Butiran (163), ia-itu yang di-panggilkan Elaun Luar Negeri, Pegawai Dagang dan Tempatan (Overseas Allowance and Local Overseas Allowance). Peruntokan ini, saya perchaya ia-lah kerana pada masa sekarang ini kita menempatkan tentera² kita di-Sabah dan di-Sarawak buat sementara sahaja, ia-itu sa-bagai Temporary Posting sahaja. Jadi, oleh kerana ini di-jadikan atoran dalam tentera, maka pegawai² yang di-hantar ka-sana, pergi dengan sendiri-nya dengan tidak membawa kaum keluarga-nya. Jadi, oleh kerana ini, mereka di-beri-lah elaun yang sa-macam ini. Tetapi malang-nya kita telah lama menjadikan Malaysia ini sa-lama tiga tahun, kita maseh lagi menganggap bahawa Sabah dan Sarawak ini sa-bagai overseas

sa-olah² Negeri² ini bukan di-dalam Malaysia dan kita terpaksa meng-anggap negeri² ini sa-bagai jauh. Saya fikir elauun yang sa-banyak ini tidak payah di-buat kalau kita memikirkan Sabah dan Sarawak ini sa-bagai satu tempat di-dalam Malaysia dan kita menempatkan pegawai² kita dan tentera² kita saperti juga permanent di-dalam Malaysia Barat.

Apa yang telah jadi, Tuan Pengerusi, ia-lah dengan chara yang di-buat ini, maka isteri dan anak kapada ahli² dalam tentera kita tidak dapat pergi bersama² di-Sabah dan kadang² mereka ini tidak dapat hidup sempurna dalam sa-buah rumah, kadang² berpanjangan. Kadang² enam bulan di-sana, lepas itu pegawai itu pula di-hantar enam bulan ka-lain tempat dan lepas itu terus daripada Sabah di-hantarkan pula ka-London untuk berkhidmat, atau pun belajar di-sana, sa-hingga kadang² dalam dua, atau tiga tahun suami-nya dapat bertemu dengan isteri-nya sa-lama sa-minggu, atau sa-tengah minggu. Ini ia-lah satu perkara yang kurang sihat dengan kerana ada sa-tengah itu yang sudah dapat penyakit susah hati dan sa-bagai-nya, dan saya harap-lah kalau kita menganggap Sabah dan Sarawak ini sa-bagai sa-bahagian daripada Malaysia, maka peruntukan yang sa-macam ini tidak payah-lah di-buat, kalau kita menempatkan tentera² kita ka-sana sa-bagai sa-chara yang permanent ia-itu dengan menghantarkan kaum keluarga ahli² tentera kita. Saya harap ini dapat di-pertimbangkan oleh Kementerian.

Berkenaan dengan muka 165 juga, ia-itu berkenaan dengan Askar Wataniah yang mana di-sini peruntukan bagi tahun 1967, chuma di-tunjokkan di-dalam estimate, ia-itu tidak ada peruntukan pada tahun 1967 dan kapada tahun 1968 peruntukan sa-banyak \$2,121,288. Ini, ia-lah satu perbelanjaan yang chukup munasabah memandangkan kapada chara² peperangan yang baru yang mana berkehendakkan kapada semua warganegara meng-ambil bahagian yang besar di-dalam mempertahankan negara. Kalau kita chuma ada tentera yang biasa sahaja untuk mempertahankan negara kita,

kalau-lah timbul satu peperangan sa-chara yang telah terjadi di-Vietnam, maka ini tidak dapat kita melawankan oleh kerana kita berkehendakkan kapada sokongan yang banyak daripada orang ramai dan perhubungan dengan orang ramai tentu-lah lebih senang, kalau kita ada satu Tentera Wataniah yang besar.

Berkenaan dengan Tentera Wataniah juga, tetapi berhubung dengan muka 170, Pechahan-kepala 19—Publications and Office Equipment yang mana peruntukan sa-banyak \$1,990,700 telah di-sediakan. Saya perchaya berkenaan dengan Publications dan Office Equipment ini termasuk-lah publications berkenaan dengan Military Tactic dan sa-bagai-nya. Saya belum tahu apa-kah publication² yang di-beli, tetapi memandangkan kapada apa yang telah terjadi di-Vietnam, memandangkan juga kapada peruntukan yang di-buat oleh Tentera Wataniah, saya chadangkan di-sini, sa-bagai chara yang serious, ia-itu kita adakan buku² yang di-tulis oleh orang² saperti Mao Tse Tung, General Giap dan General Nasution. Orang² ini yang chukup mahir di-dalam peperangan gurila. Kalau kita akan adakan peperangan di-dalam negeri ini, chara peperangan bukan-lah akan menjadi satu chara yang orthodox, ia-itu dengan chara melang-gar dengan besar²an. Apa yang akan jadi di-sini, ia-lah peperangan dengan sa-chara guerilla warfare, dan kalau kita hendak bermusuh dengan orang yang begitu chekap saperti General Giap, General Mao dan Nasution. Bukan-lah saya kata saya suka, tetapi dia tulis berkenaan dengan ini, mestilah kita faham chara guerilla orang yang akan jadi musuh kita, atau pun telah mempelajari daripada orang² yang menulis buku² ini. Dengan ada-nya buku² ini sa-bagai sa-bahagian daripada publication² yang di-beli untuk pengetahuan pegawai² di-dalam tentera kita, maka kita dapat faham chara² peperangan. Bukan kita akan menjadi kominis oleh kerana kita bacha buku² General Giap dan Mao Tse Tung ini, tetapi dengan ada-nya buku ini, maka dapat kita tahu chara² mereka ini menjalankan guerilla warfare mereka yang

telah dapat kejayaan yang penoh di dalam Vietnam dan ini dapat membolehkan kita mempertahankan negara kita dengan chara yang sesuai. Kita tidak payah mengingatkan saperti sa-tengah² negara hendak minta military hard-ware daripada Britain, macham kapal terbang besar². Kita harus ingat bahawa di-Vietnam pada masa sekarang ini sunggoh pun Amerika ada bermacham² jenis kapal terbang, helicopter, macham² lagi military hard-ware, tetapi tidak juga dapat mempertahankan Vietnam. Kita tidak berkehendakkan belanja yang besar yang sa-macham itu untuk membeli military hard-ware, tetapi apa yang kita hendak ia-lah knowledge berkenaan dengan peperangan sa-chara guerilla warfare ini dan knowledge ini kalau kita dapat, boleh kita menggunakan buku² yang di-tulis oleh orang² yang pada masa sekarang ini chukup berjaya di-dalam guerilla warfare di-Vietnam. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Pertahanan ini saya ada satu atau dua pandangan yang ringkas sahaja. Perkara yang pertama sa-kali ia-lah tugas masa hadapan yang kita hadapi sa-lepas tahun 1971 dalam mana kita akan berdiri di-atas kaki sendiri dalam pertahanan dan tidak ada lagi tentera² asing yang akan menjadi payong perlindungan kapada kita. Maka dalam menghadapi tahun 1971 ini dalam pembentukan dan pertubohan Angkatan Bersenjata kita, saya rasa suatu segi yang sangat penting kita ambil berat ia-lah Angkatan Laut kerana negara kita ini negara laut yang di-pisahkan oleh lautan yang luas dan kita hampir² sa-bagai pulau, kita sa-bagai semenanjung dan di-sana sa-belah Malaysia Timor ada-lah pula satu daerah yang jauh di-pisahkan oleh lautan daripada Malaysia Barat. Maka suatu segi pertahanan yang penting sa-kali Angkatan Laut, dan saya merasa kita harus memperbesar dan memperkuat Angkatan Laut ini sa-berapa yang terdaya oleh kemajuan negara kita bagi menghadapi masa hadapan yang akan datang sa-lepas

tahun 1971. Pengalaman yang kita telah alami, pengalaman yang pahit tahun 1941 dalam mana negara kita ini yang konon-nya menjadi kubu pertahanan kuat orang British telah dapat di-ta'aloki oleh Jepun dalam masa yang sengkak sa-telah mereka mendarat di-beberapa tempat di-pantai Tanah Melayu kita ini, maka pengajaran ini harus kita simpan dalam ingatan dalam kita menghadapi tugas memperbesar Angkatan Bersenjata kita sa-lepas tahun 1971. Maka oleh sebab itu, saya berharap bahawa perhatian yang berat akan di-beri oleh pihak Kementerian Pertahanan kapada memperbesar, memperkuat dan memperlengkapkan Angkatan Laut kita. Biar-lah Tentera² Laut kita tentera² laut yang betul² lasak, biar-lah kita ada juga frogmen, orang² yang kuat bawah laut yang handal yang lasak yang boleh menjaga pantai kita ini yang boleh mengawal di-atas kapal dan di-dalam laut. Angkatan Frogmen ini patut kita adakan dan kita adakan dengan segera, kerana ini satu perkara yang sangat besar bagi kepentingan pertahanan kita dan harus kita besarkan Angkatan Laut ini sa-boleh²-nya pada satu masa yang tidak berapa lama lagi kita akan dapat mengadakan kapal atau kapal penjajah (cruiser) kita sendiri dan lain² jenis alatan untuk mengawal pantai kita yang terlalu panjang bagi negara kita ini di-Malaysia Timor dan di-Malaysia Barat.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah soal Angkatan Darat kita dan perkara penting bagi Angkatan Darat bukan ramai bilangan orang²-nya tetapi ia-lah kemahiran-nya dan mutu latehan-nya. Ini yang penting sa-kali. Dan kita sa-takat ini bergantung sa-mata² kapada segala teknik, kapada segala kemahiran peperangan chara British, sa-hingga segala pakar² tentera kita yang melateh tentera kita semua-nya daripada orang puteh, bahkan alat² kita pun alat² daripada British. Saya rasa kita sudah chukup besar dan chukup dewasa untuk mempertimbangkan keadaan kita bagi memikul tanggung-jawab kita sa-lepas tahun 1971 ini, tahun yang kita akan berdiri di-atas kaki kita sendiri walau pun kita akan adakan perhubungan dengan

rakan² kita dengan negara yang lain. Saya rasa perkara yang di-pentingkan di-sini ia-lah chara latehan dan teknik latehan dan saya suka mengshorkan supaya pehak negara kita memikirkan untuk mengambil juru² lateh tentera dan pakar² tentera ini daripada pakar² tentera Jerman yang maseh ada ramai sekarang. Jeneral²-nya dan pakar² tentera yang boleh di-dapati pada bila² masa dan ini telah di-gunakan oleh sa-tengah negeri lain di-Asia ini juga—Asia dan Afrika—dan saya rasa telah memberi hasil yang baik. Kita tahu negara di-Selat Tebrau Singapura menggunakan juru² lateh Israel sa-mata² dengan tujuan untuk konon-nya men-jaga survival Singapura. Saya rasa tentu ada tujuan² yang lain yang tidak berapa enak di-belakang chakap² ini. Dan kita harus membentok tentera kita ini dengan suatu chara latehan yang merupakan satu angkatan yang lasak, yang tidak hanya menurut satu chara lama, chara British, yang kita sudah tengok chara dia mempertahankan Malaya ini tahun 1942, belum sempat nampak tentera Jepun mereka telah chabut lebeh dahulu. Jadi, saya rasa kita boleh memikirkan kerana ada banyak pakar² tentera Jerman yang maseh bijak dan handal yang boleh memberi nasihat dan panduan kepada chara latehan tentera kita dan kita panggil mereka ka-negara kita ini untuk mendapat nasihat dan panduan sedikit sa-banyak bagi menambahkan kesempurnaan latehan askar² kita, sahingga tentera kita dan Angkatan Bersenjata dan Tentera Darat kita merupakan Tentera Darat yang sungguh pun tidak besar dan barangkali sukar hendak menjadi angkatan yang besar, tetapi satu angkatan yang lasak dan mobile yang boleh ka-atas, ka-bawah boleh di-lanyak, di-lasak tahan menghadapi segala keadaan dan sanggup menghadapi segala kemungkinan dalam zaman perang yang serba moden ini. Jadi dengan chara ini maka kita dapat menghadapi masa hadapan kita terutama masa lepas tahun 1971 dengan keyakinan dan dengan keperchayaan yang penoh pada masa hadapan kita dengan kita tidak gentar sedikit pun kepada ugutan² Awang Kenit yang

datang daripada mana sahaja Selatan atau pun sa-belah mana negara kita ini.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan sa-banyak \$251 juta ini. Saya berchakap pada muka surat 163, Pechahan-kepala 129—Jawatan Tentera. Tuan Pengerusi, tidak-lah siapa boleh menafikan atas jasa, khidmat tentera kita, tetapi di-sini saya menchadangkan supaya pasokan Battalion Askar Melayu patut ditambah beberapa battalion lagi kerana Askar Melayu saya memandang pergolakan dunia pada hari ini umpamanya yang berlaku di-Vietnam, askar Vietnam ia-itu askar Amerika yang menolong pekerja² daripada orang Vietnam sendiri yang bekerja dengan askar Amerika itu belot. Jadi, harapan saya tidak ada jalan lain bagi mempertahankan tanah ayer kita ini, hak kita kena-lah menambah lebeh banyak lagi Askar² Melayu.

Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam Kepala ini juga saya memberi pandangan berhubung dengan gaji tentera. Saya chuma berchakap umpamanya gaji sa-orang Staf Sarjan dalam bahagian tentera. Gaji pokok sahaja \$155.80 dan ada-lah pemberian tambahan lagi umpamanya kerja lama \$19.20, elauⁿ \$23, kenaikan pangkat \$9.60, bayaran isteri \$70 rasion \$60 yang berjumlah gaji sa-orang Staf Sarjan berjumlah \$362.60.

Tuan Pengerusi, apa yang saya harap bagi pehak Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan tidakkah boleh kerja yang lama \$19.20 diberi kepada askar itu dan bayaran isteri ini sa-banyak \$70.00 di-jadikan gaji pokok pada gaji sa-orang Staf Sarjan yang berjumlah \$245.00, kerana kalau dia mendapat gaji \$245.00 tentulah apabila dia penchen nanti dia akan dapat lebeh bayaran penchen.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya teringat kenaikan gaji askar ini telah di-suarakan dalam tahun 1965 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sa-masa dia melawat Sabah dan sa-lepas daripada itu gaji

askar ini naik \$10.00 tetapi sa-hingga hari ini kenaikan ini tidak di-kira dalam masa sa-saorang askar itu berhenti di-beri penchen.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 167, Butiran (226) Bantuan Sewa Rumah—Ini juga saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan, walau pun perbelanjaan peruntukan tahun ini kurang daripada tahun yang sudah. Harapan saya supaya dapat askar² biasa ini diberi elauan rumah yang berpatutan terutama sa-kali askar² yang ada di-sekitar Kuala Lumpur ini kerana memandangkan uuntuk menjaga maruah askar kita yang berkhidmat kepada negara.

Muka surat 171, Pechahan-kepala 27—Belanja Menyenggara—Kapal Terbang. Tuan Pengerusi, saya bukan-lah hendak mengajar itek bernang tetapi hanya saya memberikan pandangan kepada Menteri yang berkenaan pada hendak membeli kapal² terbang ini supaya dapat Yang Berhormat Menteri mengawasi, meneliti dengan menggunakan pakar² kita, kerana kita dapat tahu ada kapal² terbang ini jatuh dan rosak. Kejatohan kapal terbang kita ini bukan sahaja rugi wang, tetapi rugi pegawai² muda yang sama terkorban dalam kapal terbang itu. Jadi ini-lah harapan saya supaya Menteri yang berkenaan dapat mengawasi, saya bukan-lah mengatakan pembelian kapal terbang yang dilakukan itu tidak sempurna tetapi kena-lah Yang Berhormat Menteri berjaga² hal ini.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, speaking under Head B. 16, I would like to touch on Sub-head 1, items (117), (171) and (249).

Speaking on defence, Sir, we have to ask ourselves a few questions such as those on which my colleague has spoken: "What happened in 1941?" "Can that happen again?", etc. The British have decided to withdraw their forces by 1971. They have assured us that in case of an emergency, they will be in a position to send us help. In 1941, they had their troops here. The Japanese attacked and within two

months they were able to overrun the country. It is possible that times have changed and that troops can be airlifted much faster than they could have been airlifted in 1941. It is also possible that England was then involved in war in Europe, and that now she will be able to help us more. But, knowing modern warfare as it is, where things go fast, I wonder whether we could entirely rely upon their promise, however sincere they may be in making that promise. Therefore, what we have to do is to be able to look after ourselves and, knowing the population and the resources of our country, we have to go more for quality than for quantity. We have to make sure that our troops are given the latest weapons, that the Air Force has the latest planes and that the Navy, though small, is well equipped and that each personnel has got the best training that may be available.

I would support my colleague when he says that we should go round the world and get the best instructors that are available irrespective of their country of origin. We have to guard ourselves. We can be attacked either from within or from without, but I do not think we need fear of any danger from within. Sir, it does not take a large number of people to cause trouble, and a few people might be able to make more noise than their numbers would indicate. For this, I would suggest to the authorities that our Intelligence Section should be better equipped and more funds should be available. I realise, to a certain extent, internal intelligence is part of the job of the Police, but there are certain types of intelligence that are more the duty of the Army than of the Police, because certain type of mischief that may be brewed is not from the people of the country themselves, but it is something that is imported, something that works gradually underground, and if our intelligence from the Army and from the Police are working in co-operation, they would be able to nip these things long before they come to a danger point.

In this connection, Sir, talking on quality and not quantity, it has been

suggested in this House before that to a certain extent certain types of military training should be included in the schools. In the schools, the type of training could be divided into various sections, so that what the young people are taught, they would be taught thoroughly instead of being given just a general idea of the war or defence.

The next point I would like to suggest and which I think might or might not be acceptable, is this: we have had in this country—we could call them “mercenaries”, if you like—troops of Gurkhas who have by their long history proved their loyalty and efficiency to the masters whom they served. Until we are in a position to definitely say that we can defend ourselves on our own resources, I would suggest to the Ministry whether it will be advisable to come to some arrangement with this group of brave soldiers (the Gurkhas) whereby they could be retained in our country. Thank you, Sir.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, dalam Pertahanan ini.

Sa-lain daripada saya menyokong Peruntokan yang di-minta oleh Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri ia-itu dalam perkara Pertahanan, saya menyokong-lah supaya di-segerakan perjanjian perundingan Pertahanan lima buah negara demi untuk kepentingan negara ini ketika pengundoran Tentera² British daripada daerah ini. Apa yang saya mengharapkan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam bidang perundingan yang akan di-adakan Pertahanan lima buah negara itu supaya dapat satu kesimpulan yang tidak menjadikan sangsi, atau wasangka kepada negara² jiran, malahan pula perjanjian yang kita hendak-lah rundingan itu berdasarkan laporan yang di-buat oleh Perdana Menteri Kerajaan British.

Tuan Pengerusi, lagi sa-kali saya mengalu²kan pengumuman yang di-buat oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri waktu Yang Teramat Mulia melawat ka-Indonesia pada minggu

akan datang. Ada kemungkinan hendak merundingkan bersama berhubung dengan pertahanan dan keselamatan dengan Kerajaan Indonesia untuk pertahanan di-rantau ini.

Dalam masaalah perundingan pertahanan lima buah negara ini, Tuan Pengerusi, saya gemar memberikan pandangan kepada Kerajaan bahawa dua buah negara yang akan sama² berunding dengan kita itu, ia-itu New Zealand dan Australia. New Zealand dan Australia ini chondongnya ka-Amerika. Mungkin dengan keluar-nya Tentera² British daripada kawasan ini, boleh jadi, Kerajaan ini membenarkan Amerika membuat pengkalan-nya di-negara²-nya, tetapi kita mengharapkan supaya Kerajaan Malaysia tidak terlibat dengan tekanan yang di-buat oleh Kerajaan New Zealand dan Kerajaan Australia, sebab kalau ada-nya pengkalan Amerika di-negara kita ini faedah-nya sedikit, mudharat-nya banyak.

Kemudian satu perkara yang saya fikir harus di-tekanan dalam meshuarat itu bahawa seperti Brunei. Brunei dalam penjajahan Kerajaan British. Dengan penarekan Tentera² British di-kawasan ini mungkin juga di-tarek Tentera² British di-Brunei. Jadi dengan penarekan Tentera² British di-Brunei ini, saya mengharapkan Kerajaan Brunei dan Kerajaan Inggeris akan menerima dengan baik-nya tentera² daripada lima buah negara ini, jangan-lah menjadi pisang berbuah dua kali yang Kerajaan Brunei tidak mengingini tentera² daripada Malaysia ini.

Berhubung dengan Australia, Tuan Pengerusi, kalau boleh, Kementerian ini memberikan pandangan bahawa satu perkara yang hendak menjaga keselamatan dan pertahanan dalam daerah ini, satu perkara yang wajib di-perhatikan oleh Kerajaan Australia ia-itu dengan memberi peluang kemerdekaan kepada Pulau Papua, Irian Timor. Sekarang Irian Barat di-bawah kekuasaan Kerajaan Indonesia akan memberi peluang kepada ra'ayat negeri itu, sama ada mereka hendak berkerajaan sendiri atau tidak. Sebab negeri Papua ini

atau Irian ini sa-buah kawasan terasing yang patut kita hormati kehendak² penduduk dalam tempat itu dengan kita memberi pada mereka berkerajaan sendiri, kita akan dapat hidup bersama dalam negara² di-kawasan ini bagaimana kita memberi peluang kepada Singapura mencapai kemerdekaan.

Kemudian New Zealand. New Zealand ada satu masalaah yang patut di-perhatikan ia-itu memberi keadilan dan memberi lebeh keistimewaan kepada ra'ayat asli Australia, walau pun hal ini masalaah negara Australia, tetapi saya memikirkan, kalau tidak di-betulkan masalaah ini mungkin juga keselamatan dari lima² negara ini akan terancam, ia-itu dengan memberi kemudahan yang lebeh kepada bumiputra asli New Zealand ia-itu kaum Maori. Jadi dengan ini saya fikir dengan di-beri peluang kepada kedua negara yang saya katakan tadi saperti Papoa—Irian Barat dan Irian Timor dan juga memberi peluang kepada kaum Maori dudok¹ sama dengan orang² New Zealand itu, maka keamanan dalam negeri itu dapat di-pelihara dan tidak dapat kuasa² luar mengancham ra'ayat di-daerah ini.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Chen Wing Sum (*dengan izin*): Sir, first of all, I wish to thank all Members who have participated in this debate and shown their keen interest and also the many valuable suggestions to this Ministry. I am sure, Sir, if each and every citizen in this country has the same keenness, the same thought, the same spirit, as all Members who have made such observations, this country, no matter how small it may be, no matter how small our Army may be will never be conquered and we will never be overrun by any foreign country. For this spirit, as witnessed from the observations given by all the Honourable Members, I am very grateful. On behalf of the Minister of Defence, I say "Thank you" to all of you.

Certain observations made refer to the welfare and pay of the servicemen. I must also emphasise here that this

Government—the Minister of Defence, who is a first-class politician in this country—will never let them down. We will do everything possible within our ability, within our capability, to look after them. The Alliance Government has never tried to discriminate against any citizen in this country. We would do everything we can within our financial resources to look after them, particularly those who have spent so much of the time and their lives to serve this country.

Sir, first of all, I wish to answer the observations made by the Honourable Member for Hilir Perak. He had mentioned that the Ministry should look into the matter of dispensing with the English language qualification for servicemen. Sir, the English language qualification for the technical branch of the Armed Forces is still necessary at this stage, because most of the technical courses are held overseas and they need knowledge of English to attend these courses.

The Honourable Member also mentioned the future of the Territorial Army. Sir, this Ministry has in the past, at present, and in the future, will always try to look after the future of the servicemen. They will be entitled, if they are qualified, to join any F.L.D.A. scheme. In fact, the Ministry is anxious to help them and will give them priority in joining any of these F.L.D.A. schemes, if they have retired from the Service.

Sir, the Honourable Member for Kulim Bandar Bahru has made an observation as regards the ammunition factory. Sir, the Government has now decided to manufacture small arms ammunition and the establishment of a factory has been agreed to, and two local companies have been accepted for the purpose of setting up this factory. But I cannot at this stage tell the House when this factory would be established although the work connected with this has begun. As to the place of this factory, I have been told that it will be somewhere in Rawang in the State of Selangor. Sir, the manufacture of other types of ammunition is also at present being studied.

Sir, the Honourable Member for Kota Star Selatan has brought up two very valuable points. First is the mental warfare of the Armed Forces. Sir, the Ministry had always provided the necessary books, publications, and so on for the Armed Forces to study. All these books are available either in the library or in the departments, whenever they wish to study them. It is very true that today the warfare would be quite different from 1941. Today the mental side of it is more important than arms, modern equipment, aircraft and modern ships. Honourable Members have also referred to Vietnam, no matter how big the number of aircraft, the ships, the army provided by America, it is impossible and in fact it is very difficult even at this stage to settle the issue in Vietnam. We know about it. Therefore, when we started to govern this country in 1957, we, first of all, realised the importance of the mental side of our people. We must give them the proper development, give them a full stomach, before we can think of how not to be conquered or how not to surrender. It is very true that if we cannot have the full economic development to satisfy our people in this country, no matter how good our army may be, no matter how many modern equipments we can afford to buy, in fact they would not be helpful to us. Therefore, the Alliance Government has from the very beginning maintained the concept that unless we can look after their welfare, unless we can satisfy the stomachs of the people in this country, we will never be able to defend this country. Therefore, we cannot afford to spend too much money on defence; therefore we cannot afford to spend too much money to buy new aircraft, to buy new ships, or to expand the Army. We can only do what we can according to our financial resources and our man-power, taking into consideration of our economic development.

Sir, the Honourable Member for Kota Star Selatan also mentioned the allowances of our Armed Forces serving in Sabah and Sarawak. Sir, these officers and soldiers are paid a special allowance for service in Sabah and Sarawak which ranges from \$4 per day for a private

soldier to \$10 a day for the senior officers in view of the high cost of living in East Malaysia. This allowance is also paid to personnel who are accompanied by their families. Sir, this Ministry also wishes to do everything we can to help the officers in the Armed Forces to live a more normal life. It is not true that we want to send them to East Malaysia leaving their families behind, giving them not enough allowance. In fact, this Ministry is contemplating building more barracks in East Malaysia, but it has been very much limited by our finance and, therefore, up to now we can only manage to have some quarters in Kuching and the other phases of the plan, we hope, we will be able to complete.

Sir, the Honourable Member for Kuala Trengganu Utara had suggested, and this observation was also made by the Honourable Member for Port Dickson, that we should go round the world and get the best instructors, to get the most experienced people, to instruct us in military courses. Sir, this country is not a very conservative country. We would get everything available from those friendly countries, from those well-to-do countries, from those countries who would like to help us. Our policy has never been a fixed one. Our policy is a flexible one. We would like to get anything possible for the benefit of our country and our people no matter from which sources.

Sir, the Honourable Member for Melaka Selatan has suggested, in view of the South Vietnam situation and so on, that the Malay Regiment should be increased in number. Sir, I wish to inform this House, and particularly this Honourable Member, that the size and shape of the Army is being kept under review from time to time and, in fact, another battalion of the Royal Malay Regiment has just been formed. The Honourable Member has also raised the question of paying allowances to the Armed Forces, Sir. This House has been informed previously that a Committee has been appointed by the Government to review the pay and allowances of members of the Armed Forces; their report has been completed and the recommendations will be submitted to the

Government in the very near future. The question of housing allowance has also been examined by the Committee.

Sir, the Honourable Member for Port Dickson made an observation that this country should have our own intelligence to collect external intelligence. Sir, I can assure this Honourable Member that an adequate organisation does exist for this purpose. However, it is not in the public interest for me to give details of such an organisation. Sir, the Honourable Member had also, among other things, suggested that our Armed Forces should be of the best quality, with the latest equipment. Sir, if we want to have an army, particularly in a small country like ours, we can only afford to have the best, we cannot afford to have the second best. If we want to have an armed forces, no matter how small it may be, we try our best to equip them with the latest equipment, provided every citizen in this country realise that the defence expenses have to come from all of us. If we are prepared to pay more taxes, to contribute more on our part to the Government, I can assure you that every now and then we will change and equip them with the best weapon available.

Sir, the Honourable Member for Muar Utara, among other things, had suggested that although the British will withdraw their army from this country, we should not allow the Americans to take advantage to set up a base here. Sir, for the information of this House, this Government has never considered to allow the Americans to set up a base in this country.

I think that is all I wish to answer to the Honourable Members' observations. Once again, I express my thanks and gratitude to all Members who were so keen to put up their observations which have given this Ministry great help, and once again I must say, "Thank you very much" to all of you.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$251,954,787 untuk Kepala B. 16 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² 17, 18, 19—

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, with your permission, I propose to take the three Supply Heads, which constitute the Annually Recurrent Expenditure of my Ministry together, and I accordingly beg to move that the following Supply Heads stand part of the schedule.

- (i) Head 17 which provides for a sum of \$46,480,059 to meet the P.E., O.C.A.R. and O.C.S.E. expenditure in respect of West Malaysia.
- (ii) Head 18 which provides for a sum of \$310,388,526 to meet education grants and subventions.
- (iii) Head 19 which provides for a sum of \$44,609,567 to meet expenditure on education in East Malaysia.

The sum provided under the above three Supply Heads total \$401,478,152 as compared to \$385,594,133 for 1967 which was, however, found to be inadequate. I will submit the details of the unavoidable supplementary requirements for 1967 at a later stage.

Sir, my Ministry is fully aware of the need to make sacrifices, particularly in view of the financial difficulties which this country is at the moment facing and I can assure Honourable Members that no efforts are being spared to economise in all possible ways. We have as a matter of fact this year made a distinction between what is merely desirable and what is absolutely necessary. As my Minister has mentioned in his Budget speech last year, the Minister of Education also set up a special committee in the Ministry headed by the Minister personally to go thoroughly into all aspects of the present policies with a view to bringing about economic measures without of course having to dilute the standard of our schools and of our teachers. The special committee has studied the problems involved closely and has come out with certain specific recommendations which will be implemented this year. One immediate result of this recommendation has been a substantial reduction to the tune of almost \$9 million under Supply Head

17. At this juncture, however, I must sound a note of warning. There is, unfortunately, a limit to which economy can be exercised as the demands for education, particularly in the primary and secondary schools, are continuously growing. For example, the total enrolment for primary and secondary schools for West Malaysia alone has now reached an all time record figure of 1,369,000 and 487,400 respectively. It is obvious therefore that these demands must be met even if it means that sacrifices must be made in other directions. The increase in enrolment in primary and secondary schools will furthermore have repercussions in the post-secondary institutions such as colleges and the University with the result that additional provision will have to be made to these institutions of higher learning as well. In view of this, some increases will be unavoidable for grants and subventions and accordingly I am now asking, in the first instance, for a modest increase of about \$13 million under Head 18. Although this sum is bound to be insufficient, my Ministry will endeavour to curtail expenditure as much as possible under this Supply Head.

With regard to East Malaysia, an additional sum of about \$1.5 million is required over and above that for last year in order to meet the expected increase of pupils enrolment, additional teachers and school equipment. As in West Malaysia, the enrolment has increased from 297,340 in 1967 to 318,000 in 1968 for both Sabah and Sarawak. The total sum required for both States under Supply Head 19 is \$44,609,567.

With this short introduction, Mr Chairman, Sir, I will now touch very briefly on some of the achievements made during 1967 and what my Ministry intends to do for this year. I do not propose, however, to dwell on the details in the estimates as I believe there will be plenty of time for that during the debate, at the end of which I shall try my best to answer any queries that the Honourable Members may care to raise.

Sir, one of the most significant developments which have been carried

out in 1967 was the introduction of an Assessment Test in an objective form which was successfully carried out in all media in the primary schools of West Malaysia. This form of examination was later extended to include 8 subjects in the L.C.E. examination and for this year it is proposed to include two more subjects making a total of 10 in all. A unique feature of these examinations is that the marking of answer scripts was done by computer. In this way not only money for marking fees was saved but the problem of finding suitably qualified examiners was also solved. In addition, as the computer is capable of marking 1,000 sheets per hour, a lot of time was saved and the results of the examinations could be released earlier than usual. I wish to reiterate my assurance that the introduction of the computer system of examination does not adversely affect the standard or quality of education of our children, nor does it afford any opportunity for meddling with or discrimination of the marks awarded to the candidates, as has been mischievously alleged in some quarters. On the contrary, it is the most equitable and fairest way of assessment of the candidate's performance, consistent with economy and efficiency. On the subject of Overseas Cambridge School Certificate Examination, the number of candidates who sat for the examination last year has increased two-fold and this trend is expected to continue in future years. Although this is a welcome development, it poses the problem of finding suitably qualified examiners. As a means of solving this problem as well as a step towards eventually taking over the various examination function of Cambridge University Examination Syndicate with regard to candidates in this country, the Examination Syndicate of my Ministry has organised a special course for examiners who are made up of graduate teachers under the supervision of trained personnel from Cambridge. A number of these graduate teachers have also been sent to Cambridge to undergo a course in examination techniques and on their return have been appointed as team leaders and Chief Examiners in certain subjects. The Examination Syndicate will also from this year process the

admission of candidates for the S.C./M.C.E./S.P.M. examinations in Kuala Lumpur instead of sending them to Cambridge. This represents the first step in the Syndicate's long term planning of taking over the whole function of examination, including processing the results and issuing of certificates in the near future.

In the field of teacher training, I am happy to say that the Ministry has covered a lot of ground during the past year, especially in the construction and completion of new buildings for the various teacher training colleges. At the Maktab Perguruan Persekutuan, Penang, a new lecture hall and the first phase of a science block were completed. The new building for the Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johore Bahru (formerly Maktab Perguruan Persekutuan, Johore Bahru) was officially opened during the year. Similarly, new buildings for the Pusat Latehan Guru, Ipoh and Pusat Latehan Guru, Johore Bahru were also completed and are now being occupied. Finally, the Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur which formerly occupied an old building at Jalan Damansara has now been moved to a new building in the vicinity of Maktab Perguruan Ilmu Khas at Jalan Cheras.

As regards enrolment of teachers, a total of 14,376 applications were received by the Ministry for teacher training course during 1967. Of these, 5,154 applicants were selected. During the year 2,082 teacher trainees for primary schools completed their course and have now been posted to various schools all over the country. Another 2,287 teacher trainees for secondary schools sat for their certificate examination last year. The amount required to pay the salaries of these newly qualified teachers and the annual increments of serving teachers partly accounts for the unavoidable increase in the provision under Supply Head 18. The number of teachers still in training now and due to qualify in 1969 and 1970 is about 5,900 for both primary and lower secondary schools. The teacher supply programme, geared to meet the demand of the system of universal free primary and comprehensive lower

secondary education, has been implemented according to schedule so much so that the shortage of trained teachers in the lower secondary Schools and primary schools has already been alleviated. In view of this, the Ministry was able to close all Regional Training Centres and three Day Training Centres at the end of last year.

One problem which has been troubling me for some time is the shortage of graduate teachers, particularly those with science qualifications. Although this has to some extent been alleviated by the posting of Peace Corps and V.S.O. Volunteers which have been generously made available to us, the shortage is still there especially for such subjects as mathematics, chemistry, biology and physics. In order to overcome this problem generally, my Ministry will offer more teaching bursaries as from this year with a preference for those who wish to specialise in science and mathematics subjects. In the past the practice has been to offer both scholarships and bursaries. However, in view of the limited financial resources available and the need to offer assistance to as many students as possible, it is found necessary to reduce the number of scholarships in preference to bursaries. The State Governments too have promised to supplement this Ministry's efforts to increase the number of graduate teachers by increasing their own quota of teaching bursaries and scholarships in their respective States' provisions.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan, ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan, 1968 telah sampai pada Kepala B. 19, Kementerian Pelajaran dalam Jadual Rang Undang² ini.

PENANGGOHAN

Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Kesihatan (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan, Bahawa perbinchangan atas hal urusan

yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini di-tempohkan dan bahawa Majlis ini di-tanggohkan sekarang.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Majlis ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi hari Ithnin, 12 haribulan Februari, 1968.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 1.02 tengah hari.